



**NILAI MURNI DALAM WACANA TEKS KHUTBAH AIDILADHA DARI
TAHUN 2015 HINGGA 2019**

Oleh

AIFA IZZATI BINTI AZMAN

**Tesis yang Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Oktober 2020

FBMK 2020 71

Semua bahan yang terkandung di dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang dinyatakan daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

NILAI MURNI DALAM WACANA TEKS KHUTBAH AIDILADHA DARI TAHUN 2015 HINGGA 2019

Oleh

AIFA IZZATI BINTI AZMAN

Oktober 2020

Pengerusi : Normaliza binti Abd Rahim, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Teks khutbah adalah salah satu sarana yang digunakan umat Islam bertujuan mengajak masyarakat berbuat baik dan mencegah kemungkaran. Khutbah adalah senjata yang dapat menguatkan benteng akidah umat Islam kerana di dalamnya terkandung pelbagai mesej dan intipati yang berguna untuk pemantapan akidah umat Islam. Khutbah juga memainkan peranan yang penting sebagai media yang berpengaruh dalam menyampaikan penerangan, menegaskan fahaman dan menyebarkan pengaruh Islam dalam mencorak kehidupan masyarakat Islam yang murni dengan menyemai nilai kemanusiaan, persaudaraan, insaniah bagi membentuk dan mentajdidkan minda masyarakat Islam pada hari ini. Dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti nilai dalam wacana teks khutbah Aidiladha pada tahun 2015 hingga 2019. Seterusnya, kajian turut menganalisis andaian masyarakat terhadap nilai dalam wacana teks khutbah Aidiladha melalui kaedah temu bual untuk melihat sejauh mana nilai dalam teks khutbah Aidiladha dapat dijadikan iktibar dan rujukan masyarakat. Kedua-dua objektif ini menggunakan metodologi kajian jenis kaedah kualitatif, iaitu menganalisis teks khutbah Aidiladha tersebut dengan mengaplikasikan teori analisis wacana. Kajian telah memilih sampel kajian yang terdiri daripada 15 orang responden beragama Islam yang dipilih secara bertujuan. Kajian menggunakan sepenuhnya teks khutbah Aidiladha dengan membataskan kepada tahun 2015 hingga 2019 sahaja melalui portal Jakim. Teks khutbah Aidiladha dijadikan bahan kajian kerana teks khutbah Aidiladha lebih tinggi dari segi pembacaannya oleh masyarakat. Tuntasnya, dapatan kajian membuktikan bahawa wacana teks khutbah Aidiladha banyak menunjukkan nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan yang terdapat daripada peristiwa bersejarah dan keputusan bagi objektif kedua juga menunjukkan keberkesanan dalam diri masyarakat terhadap nilai di dalam teks yang boleh dijadikan pengajaran dalam kehidupan mereka. Sekali gus, kajian ini diharapkan dapat dijadikan pedoman pada masa akan datang.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**PURE VALUE IN THE DISCOURSE OF THE AIDILADHA
SERMON TEXT FROM 2015 TO 2019**

By

AIFA IZZATI BINTI AZMAN

October 2020

Chair : Normaliza binti Abd Rahim, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The text of the sermon is one of the tools used by Muslims to encourage the public to do good and prevent harm. Khutbah is a weapon that strengthens the creed of Muslims because it contains a variety of messages and essence that are useful for the preservation of the faith of Muslims. The sermon also played an important role as an influential medium in communicating, upholding and spreading the influence of Islam in the pursuit of a pure Muslim community by embodying the values of humanity, fraternity, insanity to shape and shape the mind of the Muslim community today. Therefore, this study is aimed at identifying the value in the textual discourse of Aidiladha sermons from 2015 to 2019. In turn, the study also analyzed the public's assumptions about value in the textual discourse of Aidiladha's sermon through an interview method to see how well the values in Aidiladha's sermon text could be interpreted and referenced by the public's. Both of these objectives use the study methodology of the qualitative method, which is to analyze the text of the Aidiladha sermon by applying the theory of discourse analysis. The study selected a sample of 15 Muslim respondents who were selected for the purpose. The study fully utilized the text of Aidiladha's sermon by limiting it to 2015 to 2019 only through the Jakim portal. The text of Aidiladha's sermon was made a study because the text of Aidiladha's sermon was higher in terms of its reading by the public. The point is, the findings of the study prove that the textual discourse of Aidiladha's sermon reflects the value of family and community in the historical events and the decisions of the second objective also show the community's effectiveness of the value in the text that can be a lesson in their lives. At the same time, this study is expected to serve as a guide in the future.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurnia-Nya, dapatlah saya menyiapkan tesis master ini dengan jayanya. Walaupun saya banyak menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan sepanjang proses menyiapkan tesis ini tapi saya percaya, kajian inilah salah satu bukti pemahaman saya dalam bidang Sastera Bahasa Melayu. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dr. Normaliza binti Abd Rahim dan Dr. Nor Azuwan binti Yaakob selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan. Beliau banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Segala tunjuk ajar dan bimbingan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik yang berdisiplin. Segala pengalaman saya dan rakan seperjuangan yang lain berada di bawah penyeliaan Prof. Normaliza, pasti menjadi memori yang sangat penting dan bermakna buat kami.

Ribuan terima kasih kepada ibu yang saya kasihi, Za'iyah binti Yusoff yang sentiasa memberi kasih sayang, sokongan dan dorongan, serta tidak pernah berhenti mendoakan saya. Ucapan terima kasih juga kepada adik beradik saya dan rakan-rakan seperjuangan atas sokongan moral dan doa mereka. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga kajian ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk rujukan para penyelidik masa akan datang.

Sekian, Wassalam.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

Normaliza binti Abd Rahim, PhD

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Nor Azuwan binti Yaakob, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Februari 2021

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi

BAB

1	PENGENALAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Khutbah	2
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Persoalan Kajian	4
1.6	Skop Kajian	4
1.7	Kepentingan Kajian	6
1.7.1	Masyarakat	6
1.7.2	Negara	6
1.7.3	Institusi	6
1.7.4	Ibu Bapa	7
1.7.5	Penyelidik	7
1.8	Definisi Operasional	7
1.8.1	Nilai Dalam Wacana	8
1.8.2	Teks Khutbah Aidiladha	8
1.9	Kesimpulan	9

BAB

2	PENGENALAN	10
2.1	Pengenalan	10
2.2	Kajian Tentang Nilai	10
2.3	Kajian Tentang Wacana Teks	16
2.4	Jurang Penyelidikan	23
2.4.1	Jurang Kajian Tentang Nilai	23
2.4.2	Jurang kajian Tentang Wacana	24
2.5	Rumusan	25

BAB

3	METODOLOGI KAJIAN	26
3.1	Pengenalan	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	26
3.3	Kaedah Kajian	26
3.3.1	Sampel Kajian	27
3.3.2	Instrumen Kajian Khutbah Hari Raya Aidiladha	27
3.3.3	Sinopsis Khutbah	28
3.3.4	Temu Bual	28
3.3.5	Elemen Teori Terancang	29
3.3.6	Prosedur Kajian	29
3.3.7	Kebolehpercayaan dan Kesahan	30
3.3.8	Teori Analisis Wacana	31
3.3.9	Analisis Data	33
3.4	Kerangka Konseptual	36
3.5	Rumusan	37

BAB

4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	38
4.1	Pengenalan	38
4.2	Nilai Dalam Wacana Teks Khutbah Aidiladha Tahun 2015-2019	38
4.2.1	Kandungan Nilai Dalam Wacana Teks Khutbah Aidiladha	38
4.3	Senarai Nilai Berdasarkan Tema Dalam Teks Khutbah Aidiladha	38
4.3.1	Tema Kasih Sayang	41
4.3.2	Tema Tanggungjawab	44
4.3.3	Tema Kesyukuran	46
4.4	Konteks Nilai Dalam Wacana Teks Khutbah Aidiladha	48
4.3.1	Tatabahasa	48
4.3.2	Kata Nama	48
4.3.3	Kata Nama Khas	48
4.3.4	Kata Nama Am	50
4.3.5	Kata Ganti Nama	51
4.3.6	Kata Sendi Nama	54
4.3.7	Kata Hubung	55
4.5	Latar	60
4.5.1	Latar Tempat	60
4.5.2	Latar Masa	61
4.5.3	Latar Masyarakat	64
4.6	Emosi	67
4.6.1	Emosi Cinta	67
4.6.2	Emosi Benci	69
4.6.3	Emosi Sedih	71
4.7	Andaian Masyarakat Terhadap Nilai Dalam Teks Khutbah Aidiladha Tahun 2015-2019	74

	4.7.1	Pendapat	74
	4.7.2	Perujukan	81
	4.7.3	Persoalan	90
4.8	Kesimpulan		99

BAB

5	KESIMPULAN		100
5.1	Pengenalan		100
5.2	Rumusan Dapatan Persoalan kajian 1		100
5.3	Rumusan Dapatan Persoalan kajian 2		101
5.4	Implikasi		102
5.5	Kebaharuan		102
5.6	Cadangan		103
	5.6.1	Teks Khutbah Multimedia	103
	5.6.2	Lakuan Persoalan Teks Khutbah	103
	5.6.3	Penggunaan Bahasa Dalam Khutbah	103
5.7	Penutup		104

BIBLIOGRAFI	105
LAMPIRAN	115
BIODATA PELAJAR	142
PENERBITAN	143

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Skop dan justifikasi kajian	5
3.1 Teori analisis wacana (Normaliza Abd Rahim, 2019)	33
3.2 Kod dan huraian analisis data objektif 1	34
3.3 Kod dan huraian analisis data objektif 2	35
3.4 Kerangka konseptual kajian	36
4.1 Senarai nilai dan jumlah	39
4.2 Kandungan nilai (tema kasih sayang)	42
4.3 Kandungan nilai (tema tanggungjawab)	44
4.4 Kandungan nilai (tema kesyukuran)	47
4.5 Kata nama khas	49
4.6 Kata nama am	50
4.7 Kata ganti nama (tunjuk)	51
4.8 Kata ganti nama diri orang (pertama, kedua, ketiga)	52
4.9 Kata sendi nama	54
4.10 Kata hubung gabungan	55
4.11 Kata hubung (pancangan relatif)	57
4.12 Kata hubung (pancangan komplemen)	57
4.13 Kata hubung (pancangan keterangan)	58
4.14 Kata hubung (berpasangan)	59
4.15 Latar tempat	60
4.16 Latar masa	62
5.17 Latar masyarakat	64

4.18	Emosi cinta	67
4.19	Emosi benci	69
4.20	Emosi sedih	71
4.21	Pendapat (S1,S2,S3,S4)	74
4.22	Pendapat (S5,S6,S7,S8)	76
4.23	Pendapat (S9,S10,S11,S12)	77
4.24	Pendapat (S13,S14,S15)	79
4.25	Perujukan (S1,S2,S3,S4)	81
4.26	Perujukan (S5,S6,S7,S8)	83
4.27	Perujukan (S9,S10,S11,S12)	86
4.28	Perujukan (S13,S14,S15)	88
4.29	Persoalan (S1,S2,S3,S4)	90
4.30	Persoalan (S5,S6,S7,S8)	93
4.31	Persoalan (S9,S10,S11,S12)	95
4.32	Persoalan (S13,S14,S15)	97

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Khutbah berperanan sebagai salah satu wadah bagi menyampaikan nasihat dan teguran kepada masyarakat supaya perjalanan harian masyarakat Islam sentiasa selari dengan syariat agama Islam. Pengisian khutbah perlu bersifat segar dan terkini untuk bertindak sebagai instrumen yang berkesan dalam meningkatkan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Oleh itu, bab 1 ini mengandungi beberapa tema yang ketara dilihat seperti tema kasih sayang, tanggungjawab dan kesyukuran dalam teks khutbah Aidiladha dengan berdasarkan kepada nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan. Setelah itu, bab ini telah mengungkapkan tentang latar belakang kajian secara lebih terperinci. Permasalahan daripada kajian ini juga telah dikenal pasti, di mana ia akan menjelaskan kenapa kajian ini diperlukan dalam mengatasi masalah yang berkaitan. Di samping itu, persoalan dan objektif juga turut dibincangkan dalam kajian. Persoalan serta objektif kajian mestilah selari dan saling berkesinambungan. Seterusnya, bab ini juga membincangkan kepentingan kajian kepada masyarakat dengan melihat andaian daripada kajian yang dijalankan ini. Lebih-lebih lagi, batasan kajian secara rinci serta definisi operasional turut dirangkaikan terhadap tajuk penyelidikan. Hal ini disebabkan, kedua-dua elemen berikut amat penting dalam menghasilkan kajian yang akademik.

1.2 Latar Belakang kajian

Seterusnya, kata khutbah berasal dari perkataan بطخ / khaṭaba/ yang bermaksud khutbah atau ucapan. Perkataan khutbah juga tidak asing lagi kerana perkataan tersebut telah diserap oleh bahasa Melayu dan Indonesia. "Khutbah adalah seni bercakap di depan umum dengan menyampaikan maklumat yang berinformasi yang mengandungi pengajaran. Tambahan pula, Nazir Muhammad Maktabi (2010) mengatakan bahawa khutbah ialah medan ilmu yang ada kaitannya dengan kesenian komunikasi yang berunsurkan kepada nilai-nilai murni seperti kesantunan dalam berbahasa bagi masyarakat dahulu dalam memartabatkan kaum. Seni bercakap ini bukan sahaja bertutur dengan lancar tanpa berfikir dengan jelas dan bebas, tetapi kemampuan untuk bercakap secara ringkas, jelas, padat dan mengagumkan. Selain itu, ucapan adalah satu set cara yang perlu diikuti oleh khatib ketika berucap di depan jemaah, misalnya bagaimana untuk meninggikan atau menurunkan suara, dan bagaimana menggunakan gaya bahasa yang baik. Malahan, gaya penulisan juga perlu dimulakan dengan menjelaskan kepada pendengar supaya perkara kebaikan yang disampaikan itu dirasakan oleh hadirin. Teknik ini boleh diguna pakai untuk ucapan (khutbah) yang berbentuk informatif atau bertujuan menyakinkan jemaah (Lucas, 2012).

Pada waktu yang sama, khutbah adalah nasihat khatib, iaitu orang yang menyampaikan khutbah kepada jemaah sebagai ucapan di dalam masjid yang merupakan syariat Islam yang penting manfaatnya dalam membantu generasi Islam menuju reda-Nya (Bee

Arifin, 1998). Dalam konteks Malaysia, selain bahasa Melayu yang menjadi bahasa utama dalam penyampaian khutbah, bahasa Arab dan Inggeris turut digunakan. Sering kali juga bahasa-bahasa ini digunakan serentak walaupun hanya beberapa elemen. Di samping itu, teks khutbah yang menggunakan bahasa Arab juga terdapat di masjid-masjid tertentu. Seperti yang kita sedia maklum, selepas solat akan ada penjelasan mengenai kandungan khutbah dengan menggunakan bahasa Melayu. Justeru, khutbah dengan pengantar bahasa Inggeris hanya tersedia di tempat-tempat tertentu, seperti di sekolah menengah Islam moden yang menggunakan bahasa Inggeris baik di kawasan bandar mahupun di luar bandar.

Umum mengetahui bahawa, khutbah merupakan sebuah medium komunikasi di masjid yang berunsurkan kepada ajakan atau seruan dalam menyemai nilai kemanusiaan dari diri setiap individu, juga memberi impak sangat tinggi terhadap masyarakat dalam proses interaksi bagi menyalurkan maklumat berkaitan pemikiran, sikap dan emosi (Zulkiple Abd Ghani, 2003). Secara tidak langsung, pada zaman baginda khutbah merupakan satu wasilah yang digunakan dalam menyampaikan sesuatu perkara atau perihal kepada umat Islam pada zaman tersebut. Khutbah di institusikan sebagai saluran media dakwah untuk kepentingan agama sejak zaman awal Islam di Madinah hingga kini, mimbar masjid telah dijadikan medium pidato bagi menyampaikan kebenaran Islam melalui pelbagai topik, sama ada sebagai peringatan atau nasihat kepada seluruh jemaah dengan mesej agar umat Islam lebih komited kepada agama, bahkan perkara sebegini perlu dicontohi oleh umat Islam yang lain supaya melalui cara ini, ia dapat menyampaikan nilai-nilai murni dan peringatan kepada orang ramai dalam satu masa (Mohd Tajuddin Mohd Rasdi, 2019). Khutbah secara umumnya ialah seni percakapan yang merupakan sebahagian daripada sifat-sifat tabi'e manusia semula jadinya yang bersifat ihsan antara satu sama lain dalam masyarakat sejak mengenali bahasa (Luthfi Muhyiddin, 2013).

Dengan itu, kajian ini mengkaji nilai murni dalam wacana teks khutbah Aidiladha yang diambil pada tahun 2015 hingga 2019. Nilai dapat dikatakan sesuatu yang dikira baik seperti kasih sayang, baik hati, kepuasan hati, kejujuran, kesopanan, ketenangan dan kesederhanaan (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2001). Nilai ini dianggap suatu konsep tersurat dan tersirat bagi individu atau sifat-sifat bagi suatu kelompok yang dikehendaki yang mempengaruhi pemilihan ragam, maksud dan segala tindakan. Namun begitu, nilai dapat dikaitkan sebagai satu prinsip atau garis panduan yang disediakan dalam masyarakat bagi menjalani kehidupan. Nilai ini dapat dianggap sesuatu yang lebih disukai, baik mengenai hubungan sosial, mahupun mengenai matlamat-matlamat serta ikhtiar untuk mencapainya. Penerapan nilai-nilai murni perlu bersifat menyeluruh dan melibatkan setiap individu kerana tingkah laku atau nilai individu mencerminkan nilai keseluruhan masyarakat (Sutan Takdir Alisjahbana, 1974).

Wacana teks pula adalah satuan bahasa yang ditulis dengan utuh, lengkap dan sempurna kerana dalam setiap bahagian pada wacana telah dikaitkan secara padu oleh Fairclough (1997). Wacana teks bagi kebahasaan telah ditempatkan pada hierarki yang teratas kerana, ia merujuk kepada satuan gramatikal terbesar dan tertinggi. Walau bagaimanapun, wacana teks dapat dilihat menerusi perkataan, kalimat, paragraf atau karangan utuh yang lebih besar, misalnya buku atau artikel yang berisi penulisan lengkap (Sanat Md. Nasir, 2002). Namun begitu, wacana teks juga bergantung kepada

keutuhan unsur konteks dan makna yang melengkapinya. Wacana teks ialah sebuah tulisan yang mempunyai urutan mengikut susunan atau logik. Sementelahan itu, tema atau tujuannya perlu ditentukan dahulu agar sesuai dan menepati kehendak penulisan teks sebelum menulis sesebuah wacana (Asmah Haji Omar, 1986). Secara keseluruhannya, wacana teks ialah unit tertinggi dalam bahasa dan dapat diterjemah berdasarkan pelbagai bentuk sehingga ia merangkumi variasi peristiwa bahasa.

1.3 Pernyataan Masalah

Teks khutbah merupakan media bagi umat Islam yang disampaikan dalam bentuk ceramah atau ucapan daripada khatib kepada masyarakat Islam di masjid. Nilai juga lazimnya dikaitkan dengan nilai murni yang membentuk keperibadian individu seperti amanah, toleransi, bertanggungjawab, harga diri dan sebagainya. Isu berkaitan nilai pada isi kandungan khutbah dan gaya penyampaian perlu dinilai semula oleh jabatan-jabatan agama. Hal ini demikian kerana, Mohd Tajuddin Mohd Rasdi (2019) mengatakan bahawa pihak yang mengarang penulisan teks dalam jabatan-jabatan agama perlu peka terhadap penerapan nilai dalam teks berikut dan mereka juga perlu membuat penilaian semula kandungan khutbah dengan memantapkan nilai-nilai murni dalam gaya bahasa penyampaian. Nilai ini digunakan sebagai pengukuran tahap keberkesanan sesebuah kajian. Kajian oleh Mohd Tajuddin Mohd Rasdi (2019) turut disokong juga dengan kajian oleh Normaliza Abd Rahim (2019) yang mengatakan bahawa teks untuk ucapan harus menggunakan ayat mudah yang berunsurkan kepada penyantunan supaya penonton atau pendengar tidak keliru dan fahami makna yang disampaikan. Namun begitu, setiap kajian yang dijalankan sudah seharusnya bermula dengan munculnya masalah-masalah tertentu yang telah terjadi dalam kehidupan manusia dengan rentetan bahasa yang diguna pakai. Oleh itu, kajian ini direalisasi kerana terdapat beberapa masalah yang telah timbul kerana beberapa kajian yang telah dibuat tidak berfokuskan kepada nilai, jadi penyelidik ingin mengenal pasti nilai dalam wacana teks khutbah Aidiladha oleh Jakim tahun 2015 hingga 2019.

Seterusnya, kajian Mohammad Syafiq Mohammad Suhaini (2017) mengulaskan bahawa topik khutbah yang ditulis oleh pihak kerajaan hanya tertumpu kepada isu-isu rohani dan moral sahaja tetapi tiada pemantapan terhadap nilai-nilai Islam yang dibudayakan dalam kehidupan masyarakat. Hal ini kerana, terdapat pelbagai isu yang diketengahkan, contohnya isu budaya, politik dan isu yang kadang kala juga berunsur anti-kerajaan yang meninggalkan kesan kepada pembaca. Malahan lagi, penelitian kandungan khutbah tentang isu agama mengenai nilai kemanusiaan, tidak memuji serta meraikan nilai kebaikan yang dilakukan oleh agama lain, telah menjejaskan persefahaman dan keharmonian kaum. Demikian juga pada portal Jais (2019) mengatakan gejala perpecahan menjadi meningkat dan bertambah buruk kerana sesetengah pihak telah melemparkan cercaan dengan kata-kata kesat dan hinaan kepada umatnya sendiri secara bebas di khalayak terbuka tanpa sekatan, bahkan tiada rasa

segar dan silu dalam diri mereka. Portal Jais (2019) ini didapati selari dengan kajian Mohd Azizon Noordin & Zulkefli Aini (2018) yang menunjukkan bahawa timbulnya permasalahan, di mana khatib hanya sekadar membaca dengan mata kasar sahaja teks khutbah dengan penyampaian yang tidak jelas tanpa mempedulikan pendengar memahami teks yang disampaikan serta tidak menekankan aspek penerapan nilai-nilai secara formal dengan sistematik daripada maksud intipati khutbah yang dibaca. Hal ini telah menimbulkan kesan negatif terhadap sikap sesetengah individu atau masyarakat. Justeru, kajian ini mendorong penyelidik untuk menganalisis andaian masyarakat terhadap nilai dalam wacana teks khutbah Aidiladha oleh Jakim tahun 2015 hingga 2019.

1.4 Objektif Kajian

Kajian mengemukakan dua persoalan bagi mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian. Persoalan dan objektif kajian perlu diselarikan dan saling berkait. Persoalan kajian yang dikenal pasti seperti berikut::

1. Apakah nilai yang terdapat dalam wacana teks khutbah Aidiladha oleh Jakim tahun 2015-2019.
2. Sejauh manakah andaian masyarakat terhadap nilai dalam wacana teks khutbah Aidiladha oleh Jakim tahun 2015-2019.
3. Menganalisis kefahaman masyarakat Melayu melalui tanggapan keberkesanan penggunaan herba daripada latar belakang responden yang berbeza.

1.5 Persoalan Kajian

Antara persoalan yang ingin diketengahkan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah nilai yang terdapat dalam wacana teks khutbah Aidiladha oleh Jakim tahun 2015-2019?
2. Sejauh manakah andaian masyarakat terhadap nilai dalam wacana teks khutbah Aidiladha oleh Jakim tahun 2015-2019

1.6 Skop Kajian

Jadual 1 di bawah menunjukkan teks khutbah secara khususnya bermaksud ceramah atau pidato. Dalam ajaran Islam, khutbah terbahagi kepada beberapa jenis seperti khutbah Aidilfitri, khutbah Aidiladha, khutbah Jumaat, khutbah Gerhana, dan khutbah Nikah. Namun begitu, kajian khutbah Aidiladha ini telah diberi fokus sepenuhnya sebagai pilihan utama dalam melengkapkan objektif kajian. Maka, kajian ini

membataskan kepada teks khutbah Aidiladha yang diperoleh daripada laman portal Jakim. Teks khutbah Aidiladha yang dianalisis ini dibataskan kepada tahun 2015 hingga 2019 sahaja dengan melihat kepada nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan yang merangkumi kepada tema kasih sayang, tanggungjawab dan kesyukuran dalam masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, khutbah Aidiladha bukan sahaja golongan lelaki yang pergi ke masjid untuk mendengar khutbah tetapi kaum wanita juga disunatkan pergi ke masjid. Sementara itu, khutbah Aidiladha dilakukan selepas solat dan ia merupakan khutbah pada hari raya kedua umat Islam sebagai bentuk penghormatan bagi mereka yang melaksanakan ibadah haji yang jatuh pada tanggal 10 Zulhijjah. Dari sudut lain, kajian memilih khutbah Aidiladha kerana apabila melihat kepada laman web atau portal Jakim Putrajaya, dinyatakan bahawa pelawat yang membaca laman web ini seramai 12 juta individu. Di samping itu juga, pembacaan teks khutbah Aidiladha lebih banyak dari segi pembacaannya oleh masyarakat.

Seterusnya, daripada jadual 1.1 di bawah, kajian telah memilih sampel kajian yang terdiri daripada 15 responden yang dipilih secara bertujuan yang berumur lingkungan 22 hingga 27 tahun. Ini kerana, kajian ingin melihat sejauh mana kandungan teks khutbah Aidiladha mempunyai nilai-nilai positif yang boleh memberi kefahaman dengan rinci, malah mampu dijadikan panduan kepada diri dan masyarakat dengan melihat kepada objektif kajian yang dibuat. Kajian telah memilih teori analisis wacana Normaliza Abd Rahim (2019) sebagai pelengkap terhadap kajian. Teori ini dipilih kerana ia menepati kehendak kajian.

Jadual 1.1: Skop Dan Justifikasi Kajian

Skop	Justifikasi
Khutbah Hari Raya Aidiladha tahun 2015-2019	Membataskan teks kepada 5 tahun ke belakang sahaja. Teks khutbah Aidiladha dipilih kerana laman web atau portal Jakim Putrajaya, dinyatakan bahawa pelawat yang membaca laman web ini seramai 12 juta individu. Pembacaan khutbah Aidiladha lebih banyak dari segi pembacaannya oleh masyarakat.
15 orang responden (masyarakat)	15 responden dipilih kerana cukup memadai dengan objektif kajian penyelidikan. Responden terdiri daripada 5 orang lelaki dan 10 perempuan (dipilih secara bertujuan).
Lingkungan umur 22-27 tahun	Untuk melihat sejauh mana responden dapat memahami dan mengambil input dari teks tersebut. Ini juga kerana, kebanyakan golongan ini juga sering mendengar khutbah.

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Masyarakat

Kajian ini penting kepada masyarakat tidak kira masyarakat yang tinggal di bandar mahupun di luar bandar. Sekiranya teks khutbah Aidiladha ini dihayati dan diamalkan serta selari dengan peristiwa dan isu semasa untuk membekalkan panduan agama kepada masyarakat Islam di negara ini, pihak yang menerbitkan khutbah perlu peka terhadap isi kandungan teks khutbah agar mereka memperoleh rujukan yang betul serta bermanfaat. Bahkan juga, masyarakat yang cakna terhadap teks khutbah yang dibaca atau diceramahkan oleh khatib, ia dapat membentuk masyarakat yang memberi kesedaran kepada masyarakat yang lain tentang kepentingan Aidiladha dalam kehidupan sebagai umat Islam. Rentetan itu, bagi melahir dan memupuk masyarakat Islam yang berinformasi dan peka terhadap sejarah pengorbanan, teks khutbah Aidiladha perlulah diselia oleh satu sistem yang berkaliber dengan panduan yang lengkap. Hal ini dapat membantu masyarakat memperoleh kefahaman nilai-nilai yang ada melalui teks tersebut.

1.7.2 Negara

Penyelidik berpendapat bahawa kajian ini juga penting bagi membentuk sebuah negara yang mempunyai sahsiah diri yang tinggi dalam menghargai sebuah pengorbanan sejarah ketika dalam penyampaian khutbah. Hal ini demikian kerana, kandungan yang terdapat nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan yang dihuraikan dalam tema kasih sayang, tanggungjawab dan kesyukuran daripada teks tersebut dapat memberikan pengajaran dan pedoman yang baik untuk diaplikasikan dalam membangunkan keharmonian sesebuah negara. Tidak dapat dinafikan juga, kajian ini dapat memberi panduan dan informasi dalam mencapai kemajuan negara dipersada dunia. Melalui penyampaian khutbah, negara dapat mengambil pengajaran bahawa Aidiladha merupakan hari raya yang dapat menyemai sesebuah ikatan persaudaraan. Dengan itu, kajian ini juga penting kepada negara sebagai salah satu usaha memartabatkan nilai kemanusiaan khususnya dalam mencapai objektif yang penting terhadap nilai dalam wacana teks.

1.7.3 Institusi

Penyelidik berpendapat bahawa kajian ini juga penting bagi membentuk sistem institusi yang berkesan. Oleh itu, satu sistem perlu diaplikasikan oleh cawangan Khutbah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi memudahkan metode itu tersusun dan kemas dalam penyediaan teks khutbah. Sistem yang diurus oleh pihak terbabit ini akan mampu menghasilkan khutbah dengan konsisten dan teratur apabila teks itu sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Kajian kualitatif yang dilakukan ini dengan tujuan untuk mendedahkan keberkesanan teks khutbah Aidiladha dan memaparkan teks khutbah itu secara menyeluruh setiap peringkat proses penghasilannya. Seterusnya, dapatan kajian akan merealisasikan serta merumuskan sudut-sudut kekuatan dan

kelemahan metode yang dipakai. Jelaslah bahawa, sesuatu produk yang baik akan meningkatkan pengurusan sistem pengeluarannya. Dengan berbuat demikian, pendedahan ini akan membantu dan memudahkan cawangan khutbah, malah institusi-institusi lain yang terlibat dalam usaha menerbitkan khutbah turut mengambil manfaat dan rujukan darinya.

1.7.4 Ibu Bapa

Kajian ini dapat memberi kepentingan kepada ibu bapa kerana ia sedikit sebanyak dapat memberi ilmu pengetahuan atau rujukan tentang ceramah berkaitan khutbah Aidiladha yang berlandaskan sebuah pengorbanan sirah-sirah nabi. Walakin begitu, ceramah khutbah juga membantu memberikan peringatan kepada ibu bapa terutama dalam menjadi manusia yang taat kepada perintah agama. Dari sudut lain, khutbah ini dapat membantu mereka dalam memberikan pendidikan yang baik kepada anak-anak. Ilmu dan isi kandungan teks khutbah begitu penting dalam memperbaiki hubungan sesama masyarakat khususnya dalam pergaulan seharian. Dengan itu, pemahaman daripada penyampaian teks khutbah juga sangat berinformasi kepada ibu bapa supaya mereka dapat mengajar ilmu ini kepada anak-anak mereka pada peringkat awal lagi secara rinci bagaimana cara untuk mengingat pengorbanan daripada kisah dalam teks khutbah Aidiladha.

1.7.5 Penyelidik

Khutbah Aidiladha adalah salah satu dakwah atau ceramah nasihat yang diteliti dan boleh diperkemaskan lagi kualitinya dari semasa ke semasa. Penyelidik menjadikan dorongan ini sebagai satu usaha memberi nafas baru kepada cara menyediakan teks khutbah. Begitu juga dengan kajian yang dibuat terhadap metode penyediaan teks khutbah Aidiladha ini. Penyelidik dapat melihat seluruh peringkat dan tahap penyediaan teks khutbah ini. Secara tuntas, penyelidik berupaya mendapat kefahaman dan maklumat yang lengkap tentang keberkesanan daripada penyediaan teks khutbah secara menyeluruh. Akhir kata, kajian ini menampilkan perbincangan tentang nilai-nilai yang ketara dipilih dalam teks khutbah Aidiladha dan kesannya dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Ini merumuskan bahawa pentingnya penulisan wacana dalam teks khutbah Aidiladha supaya ia diterima dan langsung sampai kepada jemaah dengan membentangkan beberapa contoh teks khutbah yang seterusnya juga ditemu bual untuk memperlihatkan tahap keberkesanan teks khutbah kepada individu ketika merujuk teks tersebut.

1.8 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, beberapa istilah dan konsep yang telah digunakan untuk merujuk kepada makna atau maksud yang tertentu. Oleh sebab itu, pengertian yang tepat perlu dinyatakan dengan saksama bagi mengelakkan kekaburan makna yang disampaikan. Definisi operasional yang akan diterangkan seperti perkataan nilai dalam wacana dan teks khutbah Aidiladha.

1.8.1 Nilai Dalam Wacana

